



## PELUANG KERJAYA DI LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan Pembantu Operasi N11 di Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

### 1. Maklumat Perjawatan

- (i) Jawatan : Pembantu Operasi
- (ii) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (iii) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
- (iv) Taraf Jawatan : Kontrak

### 2. Jadual Gaji

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N11	1,216.00	2,983.00	80.00

### 3. Elaun dan Kemudahan

- (i) Elaun : Kadar bayaran elaun adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa
- (ii) Kemudahan : Kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa

#### 4. Syarat-Syarat Lantikan

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Kelayakan masuk:
  - (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
  - (b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15);
  - (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (d) Keutamaan kepada calon yang memiliki kenderaan ke tempat kerja dan mahir dengan jalan-jalan di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya.
  - (e) Calon yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan untuk dipanggil dalam sesi temuduga.

## 5. Fungsi/ Bidang Tugas

- (i) memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E; tertakluk kepada arahan Presiden, Pendaftar dan Pegawai Penyelia.
- (ii) memastikan kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan;
- (iii) membuat pemeriksaan ke atas kenderaan, melaporkan kerosakan kenderaan, mengemaskini buku log kenderaan dan pergerakan kad inden dan kad *touch and go*
- (iv) melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran surat/ dokumen/ saman/ notis dengan sempurna, cekap dan berkesan;
- (v) bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat;
- (vi) mengangkat, menyusun dan mengemas barang-barang atau peralatan bekalan daripada stor pejabat;
- (vii) mengemas dan menyusun atur bilik mesyuarat sebelum dan selepas mesyuarat serta memastikan peralatan di bilik mesyuarat disenggarakan dengan baik;
- (viii) memastikan kebersihan dan kekemasan pejabat sepanjang masa;
- (ix) menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

## 6. CARA-CARA MEMOHON

Calon-calon yang berminat untuk memohon jawatan tersebut boleh terus mengemukakan permohonan berserta satu (1) salinan *curriculum vitae* (CV) terkini ke alamat berikut:

Timbalan Pendaftar (Pengurusan)  
Lembaga Teknologis Malaysia  
A1-3-1, Ayer@8  
Jalan P8G, Presint 8  
62250 PUTRAJAYA.

## 7. LOKASI PENEMPATAN- Wilayah Persekutuan Putrajaya

## 8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **01 Mac 2019 (Jumaat)**. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

## 9. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian **03-8800 6268** dan berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:

- (i) Encik Mohamad Safwan bin Mustafar,  
Penolong Pendaftar  
E-mel: [m.safwan@mbot.org.my](mailto:m.safwan@mbot.org.my)
- (ii) Encik Muhamad Farhan bin Kamarjan,  
Penolong Pegawai Tadbir  
E-mel: [k.farhan@mbot.org.my](mailto:k.farhan@mbot.org.my)